



Headline	LIMA 2013 medan penting MARA promosikan kelebihan modal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 May 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	33	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	177 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,313



LIMA 2013 medan penting MARA promosikan kelebihan modal insan

PENYERTAAN secara besar-besaran Majlis Amanah Rakyat (MARA) buat pertama kali pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2013 (LIMA 2013) Mac lalu memberi peluang kepada agensi kerajaan tersebut menonjolkan kepakarannya melahirkan modal insan berkualiti dalam industri aeroangkasa dan maritim, yang diperkuatkan dengan kemudahan dimilikinya termasuk infrastruktur pendidikan, kajian dan penyelidikan (R&D) serta keupayaan pelaburan dalam syarikat berkaitan.

Pengarah Kanan Pelaburan MARA, Salmah Hayati Ghazali (*gambar*) berkata, penyertaan MARA itu membuktikan ia serius dalam memainkan peranannya untuk terus memacu ekonomi negara dan menjadi peneraju dalam industri berkenaan.

"LIMA 2013 menjadi medan penting kepada MARA untuk mempromosikan kelebihan modal insan dan infrastruktur lain yang dimiliki agensi ini yang mana memberi manfaat kepada pemain industri dan negara," katanya.

Komitmen MARA dalam industri itu begitu jelas menerusi kewujudan UniKL MIAT yang melahirkan tenaga kerja mahir aeroangkasa negara serta Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET) yang berperanan melahirkan modal insan dalam bidang maritim.

Menerusi kedua-dua institusi itu serta institusi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) MARA yang lain, pembangunan modal insan yang dilahirkan adalah berdasarkan lapan skop utama iaitu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); kimpalan; pengendalian mesin;

perisian dan peralatan; penyenggaraan; pembaikan dan baik pulih (MRO); maritim; komposit; reka bentuk serta pembuatan.

Bagi TVET MARA yang membabitkan German-Malaysian Institute (GMI), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM), ia turut melahirkan graduan yang diterima dalam industri berkaitan menerusi kursus seperti 'Metal Fabrication Technology', 'Machine Tools Manufacturing' serta 'CNC Precision Technology'.

Selain itu, Salmah Hayati berkata, kerjasama MARA dengan syarikat atau agensi dalam industri berkenaan amat penting untuk membangunkan Modul Pendidikan dan Latihan yang bertepatan dengan kehendak industri.

"Menerusi kerjasama strategik ini, MARA akan mempertingkatkan modul kursus dan latihan sedia ada bagi keberkesanan program untuk membolehkan pelajar mengikuti latihan industri yang menepati kebolehpasaran dalam industri yang memerlukan 3,000 tenaga mahir menjelang 2015.

"Hasil daripada sinergi dalaman agensi ini dan kerjasama baru yang dapat dimuktamadkan di LIMA 2013, ia akan mampu mewujudkan hubungan efektif antara akademi dengan pemain global yang mendorong kepada pengeluaran tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

"Dengan menggembeng keupayaan MARA dalam konteks pembangunan usahawan, mereka ini akan terus diasuh dan diperkasakan sebagai usahawan vendor dalam ekosistem industri ini," tambahnya.